

Prototaip Kuasa Osmotik Pertama Di Dunia Dirasmikan Hari Ini

OSLO, 24 Nov/PRNewswire-AsiaNet/ --

Hari ini Statkraft merasmikan prototaip kuasa osmotik pertama di dunia. Pembukaan rasmi disempurnakan oleh Puteri Mahkota Mette-Marit dari Norway.

Prototaip ini menjana kuasa dengan mengeksploit tenaga yang ada apabila air tawar dan air laut dicampurkan. Kuasa osmotik (<http://www.statkraft.com/energy-sources/osmotic-power/>) adalah sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan bebas emisi yang mana telah diselidiki dan diuji oleh Statkraft selama 10 tahun dan yang mampu untuk menyumbang secara global kepada pengeluaran kuasa mesra-alam.

“Teknologi baru ini menjana tenaga elektrik hanya dengan mencampurkan air. Penyelesaian-penyelesaian baru bagi menghadapi cabaran perubahan iklim berkemungkinan lebih cepat ditemui berbanding jangkaan kita, dan ini membuatkan saya yakin yang masa depan kita adalah amat cerah,” kata CEO dan Presiden Statkraft, Bard Mikkelsen.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Statkraft dengan perasmian prototaip kuasa osmotik ini. Penyelesaian tenaga yang inovatif adalah amat penting bagi menghadapi cabaran-cabaran perubahan iklim, dan saya amat berbesar hati yang sebuah syarikat Norway merupakan pemacu kepada pembangunan teknologi-teknologi ini,” kata Terje Riis-Johansen, Menteri Petroluem dan Tenaga Norway.

“Kami menghargai usaha sebuah syarikat besar seperti Statkraft yang melabur dalam penyelesaian-penyelesaian yang baru dan boleh diperbaharui. Kami akan bekerjasama dengan Statkraft bagi menjamin yang penyelesaian-penyelesaian ini adalah penyelesaian-penyelesaian yang kekal,” kata Rasmus Hansson, CEO WWF Norway.

Prototaip ini mempunyai kapasiti pengeluaran yang terbatas dan digunakan untuk tujuan pengujian dan pembangunan. Matlamatnya adalah agar berupaya untuk membina loji kuasa osmotik komersial dalam jangka masa beberapa tahun lagi.

Potensi global kuasa osmotik (<http://www.statkraft.com/energy-sources/osmotic-power/>) dianggarkan kira-kira 1,600-1,700 TWh setahun, bersamaan dengan 50 peratus pengeluaran kuasa keseluruhan Kesatuan Eropah (EU). Loji kuasa osmotik secara prinsipnya, boleh berada di mana-mana sahaja air tawar mengalir ke laut: ia tidak mengeluarkan bunyi bising atau emisi-emisi yang mencemarkan dan ia boleh disepadukan dalam zon industri yang sedia ada, contohnya, di aras bawah tanah bangunan-bangunan industri.

Statkraft telah melakukan penyelidikan kuasa osmotik sejak 1997 dan telah membangunkan prototaip ini dengan kerjasama dengan organisasi-organisasi R&D dari banyak negara. Projek ini telah menarik minat ramai pihak di persada antarabangsa, dan beberapa tetamu asing turut hadir semasa perasmian tersebut.

Statkraft merupakan syarikat tenaga yang boleh diperbaharui terbesar di Eropah. Kumpulan ini membangunkan dan menjana kuasa hidro, kuasa angin, kuasa gas dan penghabaan daerah, dan merupakan pemain utama dalam pertukaran kuasa Eropah. Statkraft juga membangunkan tenaga marin, kuasa osmotik, kuasa solar

dan penyelesaian-penyelesaian tenaga inovatif yang lain. Pada 2008, Statkraft memperoleh pendapatan operasi kasar sebanyak EUR 3.1 bilion. Kumpulan ini menggaji seramai 3,200 kakitangan di lebih daripada 20 buah negara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

- Jurucakap Knut Fjerdingsstad, telefon bimbit +47-901-86-310
- Ketua Maklumat Antarabangsa Torbjorn Steen, telefon bimbit +47-911-66-888
- Penasihat Komunikasi Stefan Okstveit, telefon bimbit +47-975-78-299

Nota kepada Editor:

Untuk imej resolusi tinggi:

<http://www.flickr.com/photos/44290727@N07/sets/>

Untuk maklumat lanjut:

<http://www.statkraft.com>

SUMBER: Statkraft